

01/09/2003

Duta, pelancong asing kagum kemeriahan sambutan ke-46

Rosli Rahmat; Mahayudin Mohamad; Syamsi Suhaimi; Rosdan Wahid
PUTRAJAYA: Duta dan pelancong asing yang turut sama menyaksikan sambutan Hari Kebangsaan ke-46 di Boulevard Putrajaya kagum dengan keunikannya serta kejayaan negara mengekalkan keamanan dan keharmonian kaum serta keutuhan perpaduan rakyat negara ini.

Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Bruce Elliot Cleghorn, berkata selain kemampuan pucuk pimpinan mentadbir negara yang dihuni berbilang kaum, apa yang lebih menakjubkan keakraban perpaduan di kalangan masyarakat.

"Malaysia harus berbangga kerana masih dapat mengekalkan perpaduan dan keamanan negara walaupun dunia kini menghadapi pelbagai masalah akibat keganasan berpunca daripada perbezaan fahaman politik dan agama.

"Sambutan ini wajar menjadi iktibar untuk memastikan kesinambungan perpaduan dan keharmonian kaum.

"Hakikat ini menjadi sebab utama kenapa dunia menganggap Malaysia contoh terbaik sebagai strategi memerangi keganasan global," katanya.

Duta Perancis ke Malaysia, Jacques Lapouge pula berkata, dunia akan menjadi lebih aman jika lebih banyak negara dapat mencontohi perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini.

"Keganasan global yang berleluasa menggunakan agama sebagai alasan mencetuskan banyak perselisihan faham antara kumpulan etnik berbeza. Di sini rakyat pelbagai bangsa dapat meraikan kemerdekaan dengan bersatu hati. Ini sesuatu yang wajar dibanggakan," katanya.

Seorang pemandu pelancong, M A Vijejan, berkata semakin ramai pelancong asing mahu menyaksikan acara sambutan itu selepas mendapat tahu rakyat berlainan agama dan bangsa bersama menyambut hari bersejarah itu.

Seorang pelancong yang datang bersama Vijejan, Thomas McLoughlin, dari Scotland, berkata apa yang dimiliki rakyat Malaysia wajar dipertahankan kerana ia bukan mudah dicapai.

"Masyarakat majmuk di sini hidup harmoni tanpa diskriminasi kaum, berlainan di negara Eropah tertentu yang terpaksa menggubal Akta Perhubungan Kaum bagi menggunakan undang-undang untuk mengelakkan diskriminasi kaum," katanya.

Rakyat Bolivia, Ximena Camacho, 40, menyifatkan sambutan Hari Kebangsaan di sini sangat menarik dan berbeza daripada sambutan di negaranya.

Rakannya, Malika Tayjanova, dari Uzbekistan pula berkata, beliau bertuah kerana dapat bersama-sama rakyat Malaysia menyambut Hari Kebangsaan kali ini.

Pelancong dari Switzerland, Auberson Anya, kagum dengan persembahan dan perarakan unik yang menampilkan pelbagai etnik Malaysia.

Wartawan penyiaran dari stesen televisyen swasta Filipina, Harold Geronimo, pula berkata, sambutan kemerdekaan Malaysia memang unik kerana menampilkan keistimewaan tersendiri.

Wartawan Laos, Somsanauk Mixay, berkata beliau terpicat dengan persembahan dan lagu yang didendangkan sepanjang sambutan kemerdekaan kerana ia membangkitkan semangat patriotisme.

Sementara itu, rakyat tempatan yang menghadiri sambutan Hari Kebangsaan juga menganggap perayaan kali ini paling meriah dan mahu ia kekal di Putrajaya pada masa depan kerana lokasinya lebih terbuka berbanding Dataran Merdeka.

Kakitangan swasta, Shahrin Othman, dari Petaling Jaya menganggap sambutan kali ini berwarna-warni dan lebih menarik.

"Selain itu, sambutan kali ini menjadi peristiwa bersejarah kerana ini kali terakhir Dr Mahathir menyambut Kemerdekaan bersama rakyat sebagai Perdana Menteri," katanya.